

Profil
Tokoh - Tokoh
Gemilang
Universiti Malaya

Kuala Lumpur
Universiti Malaya
1999

K A N D U N G A N

Muka surat

- Kata-kata Aluan Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Khas
Profil Tokob-tokob Gemilang Universiti Malaya
Datuk Omar Bin Mohd Hashim 1
- Kata-kata Aluan Naib Canselor Universiti Malaya
'Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi Bin Ahmad 3
- Senarai nama ahli Jawatankuasa Penerbitan Khas 5

Nama Tokoh-tokoh

<i>Tun Dato' Seri Dr. Haji Hamdan Sheikb Tabir</i> 7
<i>Dato' Seri Dr. Mahatbir Mobamad</i> 11
<i>Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi</i> 17
Abdul Majid Ismail 19
Abdullah Mohd. Salleh 22
Abdullah Sanusi Ahmad 24
Ahmad Sarji Abdul Hamid 27
Ali Abul Hassan Sulaiman 29
Aminuddin Baki 31
Asiah Abu Samah 33
Asmah Hj. Omar 35
Awang Had Salleh 37
Bujang Mohammed Nor 39
Dol Ramli 41
Elyas Omar 43
Lloyd Fernando 46
Hamzah Sendut 47
Hanif Omar 49
Clifford F. Herbert 51
Ismail Hussein 53
Khalidah Adibah Amin 55
Khoo Kay Kim 56
Lamin Haji Mohd. Yunus 59
Shirley Lim Geok Lin 61
Ronald Stephen McCoy 62

M

1018071

Mohd Kamal Hassan	63
Mohamed Taib Osman	65
Muhammad Haji Salleh	67
Murad Mohd. Noor	69
Musa Hitam	71
Ramon V. Navaratnam	72
Augustine Ong Soon Hock	74
James Ongkili	75
Othman Yeop Abdullah	76
K. Pathmanaban	78
Rafidah Aziz	81
Razali Ismail	84
Salma Ismail	87
Siew Nim Chee	89
Siti Hasmah Hj. Mohd. Ali	91
Syed Husin Ali	93
Tajuddin Ramli	95
Tan Chee Khoo	97
Tan Wan Seng	99
Thong Yaw Hong	101
Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid	103
Ungku Omar Ungku Ahmad	106
Wang Gungwu	109
Zakiah Hanum Abdul Hamid	111
Zuraina Majid	113



Kata-Kata Auan

Datuk Omar Bin Mohd Hashim

*Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Khas
"Profil Tokoh-Tokoh Gemilang
Universiti Malaya"*

*A*lhamdulillah, selesai juga projek yang telah dicetuskan oleh Jawatankuasa Alumni menyambut 50 tahun Universiti Malaya (UM). Projek ini telah disiapkan dalam keadaan dan masa yang amat suntuk. Agak mustahil juga bagi sebuah buku yang lengkap dan sempurna dihasilkan dalam masa kurang 5 bulan dan wajib siap menjelang awal Oktober. Kerja seperti ini sepatutnya mengambil masa sekurang-kurangnya satu setengah tahun tetapi syukurilah kerana kita mempunyai satu kumpulan yang cekap dan efisien mengendalikan pengurusan gawat dan dengan kerjasama yang baik oleh semua pihak projek ini dapat disiapkan mengikut jadual.

Kerja memilih 50 orang tokoh cemerlang daripada Universiti Malaya semenjak tahun 1949 hingga 1999 adalah satu kerja yang amat rumit, menyaring di antara berpuluh ribu siswazah-siswazah yang telah dihasilkan oleh Kolej Raffles dan King Edward VII dan di Universiti Malaya berpusat di Bukit Timah dan Pantai Valley. Ribuan siswazah Universiti Malaya telah mencapai kecemerlangan di tanahair dan di luar serta telah mengharumkan nama negara ini dalam bermacam-macam bidang. Merekalah kumpulan besar tenaga manusia mahir yang siap sedia untuk memenuhi keperluan negara-bangsa Malaysia baru, memainkan peranan penting sebagai pemimpin politik, pendidik, pentadbir, perancang dan pengurus bagi usaha besar pengisian kemerdekaan semenjak 42 tahun silam. Oleh itu 50 orang tokoh yang telah dipilih ini sebetulnya merupakan tokoh-tokoh yang terbilang antara yang cemerlang.

Sebagai asas pemilihan ini kita telah menggunakan kriteria yang agak umum iaitu mereka mestilah terdiri daripada graduan Universiti Malaya semenjak 1949 hingga 1999, juga warganegara Malaysia atau dilahirkan di Malaysia tidak kira masih hidup atau telah meninggal dunia. Mereka juga harus bebas daripada kemuffisan dan tidak tersabit dengan kesalahan mahkamah.

Tentang asas penilaian ketokohan mereka pula, mereka adalah orang-orang yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara, membanggakan Malaysia dan diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam bidang yang

diceburi seperti politik, profesional, perniagaan, akademik dan perkhidmatan awam dan lebih penting lagi berjaya menaikkan martabat dan kemasyhuran alma maternya melalui penemuan atau jasa tertentu. Untuk memastikan keadilan, Jawatankuasa ini juga mengambilkira supaya di kalangan tokoh 50 orang ini, seberapa boleh, terdapat berbagai peringkat umur, jantina, ras atau kumpulan etnik, wilayah dan bidang kerjaya.

Jawatankuasa ini merasa berpuashati dengan kerja penaksiran ini kerana berjaya mengumpulkan dalam masa yang singkat dengan kekangan-kekangan tadi, nama 50 orang tokoh-tokoh Universiti Malaya untuk diketengahkan sebagai mereka yang terbilang antara yang cemerlang.

Di dalamnya terdapat pegawai awam dan kerajaan yang terkenal, juga tokoh-tokoh politik yang unggul, ahli-ahli akademik dan korporat yang berjaya, tokoh wanita yang berjaya, juga perwakilan penulis, saintis dan pendidik serta tokoh dari Sabah dan Sarawak. Semua kaum diwakili dalam senarai ini. Jika ada tokoh-tokoh penting yang tercalar maka saya mohon maaf kerana ia tidak disengajakan. Sebagai pengerusi saya rasa amat berpuashati dengan pemilihan yang dibuat mengikut taksiran dan pertimbangan kami, seadil yang mungkin, dan sebarang kekurangan atau teguran maka Jawatankuasa inilah yang akan memikul tanggungjawab sepenuhnya.

Penulisan biografi kecil ini dikerjakan oleh satu kumpulan penulis-penulis yang telah mengolah semula maklumbalas yang diperolehi daripada tokoh-tokoh ini sendiri dan mengikut format-format tertentu. Seperkara yang harus disebut ialah masalah kekurangan bahan dan sumber. Institusi-institusi di Malaysia masih belum mantap dalam sistem menyimpan rekod awam dan tokoh-tokoh penting kita sendiripun ghalibnya tidak mengamal tabiat menyimpan tulisan dan rekod-rekod mereka dengan baik. Dengan demikian terpaksa penulis-penulis kita merujuk kepada tulisan-tulisan ringkas periwayat-periwayat dalam majalah-majalah atau surat khabar yang memuatkan secara kasar dan dari buku 'Who's Who'.

Saya amat terfutang budi kepada ramai rakan-rakan saya khasnya sumbangan daripada ahli jawatankuasa iaitu YBhg. Dato' Eric Yeow Teck Siang, YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Jamaliah Mohd. Ali, Encik Sockalingam, Profesor Dr. Ramlah Adam yang telah memberi pandangan dan buah fikiran yang bernas dalam usaha menyiapkan projek ini. Kalungan penghargaan dan rakaman terima kasih ditujukan kepada Yang Berusaha Dr. Zaiton Osman, Ketua Pustakawan Universiti Malaya serta pegawai-pegawainya dari perpustakaan yang gigih menyempumakan kerja-kerja penyelenggaraan ini dalam masa yang begitu singkat.

Saya juga tidak lupa sumbangan daripada panel penulis iaitu Profesor Dr. Ramlah Adam, Profesor Madya Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak, Puan Noor Bathi Hj. Badaruddin, Encik Abu Hassan Hasbullah dan Encik Mohd. Saleh Rahamad yang telah menyiapkan tugas dengan cemerlang.

Akhir sekali, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Malaya khasnya kepada Naib Canselor, Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdullah Sanusi Ahmad yang telah meletakkan kepercayaan kepada saya dan jawatankuasa saya untuk menyempumakan '**labour of love**' ini.


DATUK OMAR BIN MOHD. HASHIM